




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku



Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting


Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Kenangan Itu

Siti Zalipah Ibrahim

Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Kedah

Pagi itu, langit kampung terlihat cerah, angin sepoi-sepoi bahasa meniup menyentuh wajahku dengan lembut seolah-olah menyambut kepulanganku. Baru saja aku tiba di kampung halamanku setelah beberapa bulan tidak pulang. Walaupun jaraknya cuma 2 jam perjalanan, tetapi jarang pulang dek kerana masa yang sangat terhad akibat kekangan kerja. Kepulangan kali ini seperti kebiasaannya untuk menziarahi ibu tercinta dan pada masa yang sama untuk mendapatkan buku-buku lama yang disimpan untuk didermakan. Tertarik dengan iklan mengenai pencarian buku untuk didermakan baru-baru ini di laman media sosial mendorong untuk aku turut serta menyumbang. Buku-buku yang dulunya tersusun rapi atas rak di bilik kini hanya tinggal kenangan, bilik yang dibina sendiri oleh arwah ayah telah roboh beberapa tahun yang lalu. Makanya, semua buku telah dipindahkan ke dalam kotak plastik. Sejak itu, ia kekal disitu tanpa disentuh dan terus dibiarkan sepi. Terbit rasa sayang apabila buku-buku tersebut gagal dimanfaatkan sebaiknya dan dibiarkan begitu sahaja.

Bagi aku, sebuah buku yang tidak dibaca hanyalah lembaran-lembaran kertas bertulisan sepi tanpa memberi sebarang makna. Tanpa pembaca juga buku itu kehilangan tujuan dan erti penulisannya, ia akan menjadi sekadar objek kosong yang tersimpan sunyi tanpa jiwa. Buku memerlukan pembaca untuk benar-benar menjalankan perannya iaitu memberi ilmu, hiburan, dan inspirasi. Setiap buku dalam simpanan peribadi aku mempunyai lakaran kisah yang tersendiri. Ada buku yang menemani aku di kala susah, menjadi penghibur di kala senang, dan ada yang memberi aku motivasi ketika aku hampir rebah dan tidak mampu berdiri lagi. Buku-buku ini bukan hanya sekadar koleksi; mereka adalah saksi bisu perjalanan hidupku dan pendamping setia yang selalu ada ketika diperlukan.

Sejak kecil lagi, aku memang gemar membaca. Koleksi buku semakin hari semakin bertambah terutamanya setiap kali aku mendapat wang saku tambahan atau hadiah dari pihak sekolah, rakan dan keluarga. Sebagai tanda kasih dan sayang seorang ayah kepada anaknya, arwah ayah telah membina satu rak buku di bilik tidurku kerana beliau tahu cintanya aku kepada buku. Hatiku terasa sangat rindu pada arwah ayah yang sangat memahami minatku dari kecil lagi.

Setelah tiba dan menjamah makanan yang disediakan ibu, aku melangkah menuju ke bilik stor. Lantas, ringan tanganku membuka kotak plastik yang berhabuk berisi buku itu perlahan-lahan, seolah-olah menyelak pintu kenangan lama. Di dalamnya, dipenuhi buku kegemaranku suatu masa dahulu, terus terlintas di ruang fikiran kenangan-kenangan lama menerpa satu-persatu. Aku tersenyum sendirian.

Sambil membelek satu demi satu buku yang lama disimpan, memori lama terus menerpa. Tersingkap kembali memori zaman kanak-kanak masih segar dalam ingatan. Ada beberapa faktor utama yang menjadi penyumbang besar dan mempengaruhi minat aku dalam membaca buku. Setiap faktor ini membawa kisah tersendiri yang mendalam, memori yang masih segar dan memberi inspirasi kepada aku hingga hari ini.

Walaupun aku bersekolah rendah di kawasan pedalaman namun sekolahku mempunyai perpustakaan yang cantik dan menarik. Setiap kali melangkah masuk, aku merasa seperti berada di dunia lain kerana rak-rak buku tersusun dengan kemas serta dihiasi dengan pelbagai jenis buku, daripada cerita dongeng hingga ensiklopedia. Warna-warni buku yang tersusun di rak menarik perhatian serta menjadikan perpustakaan tempat kegemaranku.

Masa yang selalu dinantikan adalah setiap kali waktu rehat atau selepas kelas kerana aku pasti akan berada di perpustakaan. Aku masih ingat bagaimana keasyikan membaca buku cerita, mengembara ke dunia fantasi dan mengambil iktibar dari kisah teladan menjadikan aku leka dengan tidak menyedari loceng tamatnya waktu rehat telah berbunyi. Antara bahan bacaan yang paling aku minati semasa sekolah rendah adalah kisah-kisah Rasulullah dan sahabat. Setiap halaman yang aku baca seolah-olah membawa aku lebih dekat dengan ketabahan dan kebijaksanaan baginda, memberikan inspirasi dan nilai moral yang tinggi. Di samping itu, kisah-kisah dongeng zaman dahulu juga menarik minat kerana naskah dihiasi ilustrasi yang berwarna warni dan menarik. Perpustakaan itu menjadi tempat kegemaran aku, di mana aku boleh melarikan diri dari dunia nyata seketika dan menjiwai watak di dalam dunia berbeza.

Disebabkan ibu selalu datang lewat untuk menjemput aku pulang dari sekolah kerana kekangan kerja, aku mengambil kesempatan yang ada untuk menghabiskan masa di perpustakaan sambil membaca buku kegemaranku. Walaupun pada mulanya aku merasa sedikit kecewa, lama kelamaan aku menyedari bahawa waktu yang terluang itu memberi aku peluang dan ruang untuk membaca lebih banyak buku. Ibu sering kali memohon maaf kerana datang lewat, tetapi aku selalu mengatakan bahawa aku tidak kisah dan sebenarnya, aku sangat gembira kerana ia memberi aku lebih banyak masa untuk membaca.

Program galakan membaca yang dijalankan di sekolah juga memainkan peranan besar dalam memupuk minat membaca aku. Program ini memberikan ganjaran kepada murid yang membaca buku paling banyak dalam tempoh tertentu. Aku masih ingat bagaimana aku berusaha keras untuk membaca sebanyak mungkin buku agar dapat memenangi program tersebut. Setiap kali majlis anugerah kecemerlangan diadakan, aku pasti merupakan antara pembaca terbanyak di sekolah.

Melangkah ke sekolah menengah iaitu ke sebuah sekolah berasrama penuh, kini perpustakaan mula dikunjungi pada waktu malam kerana semua pelajar perlu menghadiri kelas 'prep' malam untuk menyelesaikan kerja sekolah dan mengulangkaji pelajaran. Aku lebih suka ke perpustakaan berbanding berada di kelas kerana suasana di perpustakaan lebih sunyi dan sejuk. Semasa di sini juga, minat aku berkembang kepada novel dan majalah. Novel-novel yang menceritakan pelbagai kisah kehidupan, percintaan, dan cabaran remaja sering menjadi pilihanku. Selain itu, majalah seperti *National Geographic* dan *Reader's Digest* menjadi bahan bacaan utama walaupun dalam Bahasa Inggeris, namun ilustrasi dan kisah-kisah yang dipaparkan sangat menarik. Selalunya aku akan siapkan kerja sekolah bertemankan lampu suluh di atas katil kerana terlalu asyik membaca majalah di perpustakaan hinggakan gagal siapkan kerja sekolah semasa kelas 'prep' malam.

Sekolah aku juga menekankan budaya membaca di mana setiap hari sebelum ke kelas, kami perlu berkumpul di hadapan asrama dan membaca buku selama dua minit. Selepas itu, kami akan beramai-ramai berjalan kaki ke kelas masing-masing dan setelah tiba di kelas, kami perlu membaca semula selama dua minit lagi sebelum setiap mata pelajaran bermula. Jadi dengan peraturan ini, buku merupakan sesuatu yang sentiasa berada di tangan kami. Bermula dengan paksaan, namun ia memberi impak positif dengan tingkah laku dan tabiat membaca.

Masih segar diingatan, setiap kali wang biasiswa diterima, kami perlu mengambil buku akaun yang dipegang oleh guru kelas untuk ke bank bagi mengeluarkan wang tersebut. Terdapat sebuah buku log pengambilan buku akaun di mana kami perlu nyatakan apa yang

ingin dibeli. Selalunya akan ditulis buku rujukan, namun sebenarnya majalah yang dibeli. Majalah kegemaran ketika itu adalah Majalah Remaja dan *Galaxy*. Apabila pulang ke asrama, majalah ini akan dibaca secara senyap-senyap dan disimpan di stor simpanan beg apabila tahu 'spotcheck' akan dilaksanakan oleh warden bertugas. Apabila difikir semula, masa yang paling nakal adalah semasa di sekolah menengah namun ia merupakan memori terindah.

Sedang leka mengumpulkan buku-buku, tiba-tiba, tangan aku terhenti pada sebuah buku berkulit keras berwarna biru tua. Lantas aku tersenyum sendirian kerana sangat mengenali buku tersebut. Buku tersebut adalah hadiah daripada sahabatku yang paling rapat ketika di sekolah menengah. Sebagai pelajar yang berada di sekolah berasrama penuh dengan jadual yang padat dan tanpa keluarga disisi, kehadiran seorang sahabat yang sentiasa menemani amat berharga sekali. Kami berkongsi minat yang sama iaitu membaca dan apabila salah seorang menemui bahan bacaan yang menarik, kami amat teruja untuk berkongsi pengalaman itu. Kami juga sering bertukar-tukar bahan bacaan.

"Untukmu sahabat, semoga kisah kita kekal seperti di dalam novel ini." Ayat ini dibaca sebaik sahaja lembaran pertama dibuka. Tanpa aku sedari, aku tersenyum sendirian. Hati aku tiba-tiba dilanda rasa rindu yang mendalam. Aku teringat kembali saat-saat kami mengharungi setiap masa gembira dan duka bersama daripada remaja hingga ke dewasa. Sahabatku ini kekal menjadi individu paling rapat dan aku percayai sehingga saat ini. Walaupun kami berjauhan, namun aku tahu dia sentiasa ada untukku dan mendengar setiap keluhan jiwaku. Sesungguhnya aku bersyukur dipertemukan dengan insan mulia dan berjiwa besar seperti dia. Walaupun jarak antara kami sangat jauh, tapi sentiasa dekat di hati. Syukur, dengan adanya pelbagai medium perhubungan pada masa kini, kami tetap terus berhubung.

Aku tersenyum sendiri apabila memikirkan banyak persamaan sahabatku dengan buku. Buku boleh diibaratkan sebagai sahabat sejati yang sentiasa menemani kita di setiap langkah kehidupan. Ketika dalam kesunyian, buku hadir memberikan kehangatan dengan cerita-ceritanya yang penuh makna dan pengajaran. Seperti sahabatku ini, buku membantu aku berkembang dengan memberikan pengetahuan yang luas dan mendalam, serta memberi motivasi untuk mencapai impian.

Ketika jiwa merasa tertekan, buku membawa aku ke dunia yang berbeza, menghiburkan hati dan mengurangkan beban fikiran. Buku merangsang imaginasi dan kreativiti, membangkitkan rasa ingin tahu, serta meningkatkan penguasaan bahasa. Ia juga memupuk empati dijiwa dengan membuat aku lebih memahami dan merasai perasaan orang lain.


Buku adalah sumber inspirasi kerana setiap helaian halaman akan ada nasihat dan strategi yang membantuku menghadapi cabaran hidup, seperti seorang sahabat yang setia memberi sokongan tanpa syarat. Saat aku membaca, ia membawa aku mengembara merentasi masa dan ruang, memberi pengalaman yang menyentuh jiwa dan pemahaman tentang dunia.

Dengan buku, aku tidak pernah merasa keseorangan kerana ia sentiasa ada disisi menawarkan bimbingan, hiburan, dan pengetahuan yang tidak terbatas sama sifatnya seperti sahabat yang sentiasa ada memberikan kasih sayang dan perhatian tanpa perlukan balasan. Inilah persamaan buku dan sahabatku, keduanya menjadi peneman setia dan tiada pengganti di setiap fasa kehidupan.

Tiba-tiba, deringan telefon memecah kesunyian. Ia mematikan senyuman dan membawa aku kembali ke realiti. Usai menjawab panggilan daripada suamiku yang memaklumkan dia akan bertolak ke kampung sebaik sahaja tamat waktu kerja untuk membantuku membawa buku-buku tersebut kembali ke kota untuk didermakan. Aku menyimpan semula telefon ke dalam saku sambil merenung kembali buku biru tadi. Buku ini akan dikecualikan untuk didermakan, aku akan membaca semula buku ini dan mengimbau


sekali lagi kenangan bersama sahabatku. Kenangan tidak boleh dibeli dan sesetengah kenangan sangat tinggi nilainya. Tidak sabar rasanya untuk berkongsi buku ini dengan sahabatku, pasti dia teruja kerana usia buku ini telah lebih 15 tahun sejak dia hadiahkan padaku.

Aku keluar dari stor, membawa bersama kenangan lama dan semangat baru untuk menghargai apa yang aku miliki sekarang. Aku tahu, walaupun masa berlalu dan banyak hal berubah, kenangan akan tetap abadi dalam hati. Hargailah kehidupan dan setiap pengalaman yang dilalui kerana setiap momen yang kita alami adalah guru yang berharga, sama seperti buku yang penuh dengan ilmu dan hikmah. Kehidupan ini penuh dengan liku-liku, ada saat suka dan duka, namun semuanya memiliki makna dan pelajaran tersendiri, seperti lembaran-lembaran dalam sebuah buku yang menawarkan pelbagai kisah dan pengetahuan.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

